

## SEPAK TAKRAW

### 1.0 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Sukan Sepaktakraw bagi Karnival Sukan MASUM akan dianjurkan berdasarkan:

1.1.1 Peraturan Am Karnival Sukan MASUM.

1.1.2 Peraturan yang di keluarkan oleh Gabungan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa ketika ini.

1.2 Permainan di pertandingkan dalam bentuk:

1.2.1 Kategori Lelaki - Berpasukan

1.2.2 Kategori Wanita - Antara Regu

1.3 Pendaftaran Pemain dan Pembentukan Pasukan

1.3.1 Bagi kategori lelaki setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan sahaja. Bilangan pegawai dan pemaian seperti berikut:

BIL	PERKARA	MAKSIMUM	MINIMUM
1	Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
3	Pemain	9 orang	15 orang
<b>JUMLAH</b>		<b>11 orang</b>	<b>17 orang</b>

1.3.2 Bagi kategori wanita setiap pasukan boleh menghantar dua (2) regu. Bilangan pegawai dan pemaian seperti berikut:

BIL	PERKARA	MAKSIMUM	MINIMUM
1	Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
3	Pemain	4 orang	10 orang
<b>JUMLAH</b>		<b>6 orang</b>	<b>12orang</b>

### 2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan ini dijalankan secara Liga pada pada pusingan pertama dan kalahmati pada pusingan kedua.

2.2 Pemberian Mata.

2.2.1 Menang - 2 mata

2.2.2 Kalah - 0 mata

2.3 Pemenang bagi Pertandingan secara Liga ditentukan melalui:

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



2.3.1 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

2.3.1.1 Kiraan Perbezaan Regu yang di perolehi.

2.3.1.2 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.

2.3.1.3 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA.

2.3.1.4 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang.

2.3.1.5 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan.

2.4 Pematuhan Pakaian.

2.4.1 Semua pemain hendaklah berpakaian (berjersi) seragam.

2.4.2 **Semua pakaian pemain hendaklah bernombor dibahagian depan dan belakang. Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersi ( dari 1 hingga 36 ) yang sama untuk keseluruhan kejohanan.**

2.4.3 **Nombor hendaklah berukuran 19 cm tinggi di bahagian belakang dan berukuran tidak kurang 10 cm di bahagian depan..**

2.4.4 Ketua regu mestilah dilantik dalam setiap regu semasa permainan dan dikehendaki memakai tanda dilengan (Arm Band).

2.5 Peralatan

2.5.1 Bagi kategori Lelaki Bola yang akan digunakan adalah **GAJAH EMAS 511**

2.5.2 Bagi Kategori wanita Bola yang akan digunakan adalah **GAJAH EMAS 211**

## 3.0 RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	2 orang
2.	Jurulatih Pasukan	2 orang
3.	Pemain Lelaki	15 orang
4.	Pemain Wanita	10 orang
Jumlah		29 orang

1.